

19 JUN 2003

Umno-Khalil

UMNO KINI KUAT, KEANGGOTAAN SERAMAI 3 JUTA ORANG

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Umno kini berada dalam kedudukan paling kuat dan bersedia untuk menterjemahkannya dengan menang cemerlang pada pilihan raya umum akan datang, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata tindakan yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kerajaan, parti dan Barisan Nasional (BN) telah mengukuhkan keyakinan rakyat kepada Umno serta BN semenjak pilihan raya 1999.

Ketika mengemaskini perkembangan Umno pada perhimpunan agung parti yang ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini, Khalil berkata terdapat pertambahan seramai 165 perwakilan daripada satu lagi sayap Umno iaitu Pergerakan Puteri Umno disahkan penubuhannya tahun lepas.

Perhimpunan kali ini juga memperlihatkan kehadiran bahagian bongsu Umno iaitu Bahagian Putrajaya, yang hadir sebagai pemerhati.

Setiausaha Agung itu berkata pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh bahagian, Wanita, Pemuda dan Puteri untuk menarik lapisan rumpun Melayu menyertai Umno.

Beliau berkata bilangan anggota Umno sehingga semalam ialah seramai 3,038,025 orang. Sehingga semalam juga, sebanyak 19,034 cawangan Umno telah didaftarkan.

Khalil turut mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penambahan Ahli dan Pendaftaran Pemilih yang berjaya melaksanakan usaha untuk menambah bilangan anggota dan mendaftarkan mereka sebagai pemilih.

"Tanggungjawab rumit dan berat dalam hal pemprosesan teliti ini akan diteruskan bagi memastikan setiap anggota Umno didaftarkan sebagai pemilih," katanya.

Bagi memastikan anggota Umno memiliki kemahiran serta maklumat lengkap berhubung perjuangan serta hala tuju parti, Khalil berkata Biro Latihan parti telah mengadakan beberapa siri latihan secara berterusan.

Khalil berkata usaha Umno untuk menarik minat generasi muda menyertai Umno juga mendapat sambutan menggalakkan dan penerimaan positif daripada mereka.

Sehingga kini terdapat 44 Kelab Umno luar negara yang ditubuhkan.

Bagi memastikan anggota Umno mendapat maklumat terkini parti, Umno mewujudkan laman webnya Umno On-Line yang sehingga kini dikunjungi lebih 3.97 juta orang.

Khalil berkata bagi membolehkan anggota parti yang tidak berpeluang menjadi perwakilan dan orang ramai mengikuti perhimpunan agung yang dihadiri bagi kali terakhir oleh Dr Mahathir sebagai presiden parti, pelbagai alat siaran seperti sistem litar tertutup (CCTV) disediakan dengan banyak di lobi dan pelbagai sudut PWTC.

Kehadiran para pemerhati dan orang ramai tahun ini dikatakan paling ramai berbanding perhimpunan agung pada tahun-tahun yang lepas berikutan pengumuman Dr Mahathir untuk mengundurkan diri daripada jawatannya dalam parti dan kerajaan Oktober ini.

Dewan Merdeka tempat berlangsungnya persidangan itu penuh sesak dengan perwakilan dan pemerhati, begitu juga di setiap ruang dan sudut PWTC.

Jalan-jalan menuju ke pusat dagangan itu juga sesak sejak 8 pagi ini. Bagaimanapun beberapa anggota Polis Trafik ditempatkan di beberapa jalan utama menuju ke PWTC untuk mengawal lalulintas.

-- BERNAMA

LES HS KHY ROS